

DATE	27 / 3 / 2012	SECTION	National
PAGE	9	COLUMN	NEWS

## Tiga juta pendeposit Tabung Haji masih belum namakan pewaris

KUALA LUMPUR: Kira-kira tiga juta daripada lebih 7 juta pendeposit Tabung Haji masih tidak membuat penamaan waris.

Lembaga Tabung Haji dalam satu kenyataan berkata, keadaan ini boleh mendatangkan kesukaran kepada anggota keluarga untuk memuat tuntutan wang pusaka sekiranya pendeposit meninggal dunia.

"Tabung Haji sentiasa merujuk kepada borang penamaan waris sebelum meluluskan sebarang wang pusaka bagi kes-kes kematian pendepositnya.

"Oleh yang demikian, pengurusan Tabung Haji menyeru semua pendepositnya yang

belum membuat sebarang penamaan waris agar bertindak segera membuat penamaan waris di mana-mana 119 cawangan Tabung Haji di seluruh negara," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, borang penamaan waris boleh didapati di semua pejabat cawangan Tabung Haji dan juga boleh dimuat turun dari laman web [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my).

Bagi tujuan keselamatan dan proses memperakui kesahihan butiran pendeposit dan penamaan waris, borang tersebut perlu diserahkan oleh pendeposit sendiri di cawangan Tabung Haji berdekatan, kata kenyataan itu.

-Bernama